



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KPLB SEDIA PERKHIDMATAN BOT PENDUDUK DI PULAU TUBA DAN PULAU DAYANG BUNTING

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (43)

LANGKAWI, 21 Mac -- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) membelanjakan RM671 ribu bagi menyediakan perkhidmatan dua buah bot penambang bagi penduduk Pulau Tuba dan Pulau Dayang Bunting di Langkawi, Kedah.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, perkhidmatan bot itu dikendalikan Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba Dan Selat Berhad (KOPTUBAS) sejak pertengahan tahun lalu.

"Kita amat memahami kepayahan yang dialami oleh penduduk di dua buah pulau tersebut sejak sekian lama.

Justeru kita mencari jalan penyelesaian menerusi inisiatif perkhidmatan bot penambang untuk kegunaan penduduk di Pulau Tuba dan juga Pulau Dayang Bunting berulang-alik."

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan media selepas menyempurnakan majlis ringkas perasmian bot penambang itu di Jeti Pelancongan Langkawi dekat Pekan Rabu di sini hari ini.

Tambah Mahdzir, perbelanjaan perolehan dua buah bot berkenaan dibuat menerusi peruntukan di bawah Program Desa Lestari KPLB.

Perkhidmatan bot penambang yang diberi nama BesTUBA itu akan memberi manfaat kepada kira-kira lima ribu penduduk di dua buah pulau berkenaan.

Setiap bot mampu memuatkan sehingga 30 penumpang pada satu-satu masa dan beroperasi setiap hari dengan kekerapan tujuh perjalanan sehari.

"Saya berharap selain memudahkan urusan penduduk di pulau terbabit, perkhidmatan bot itu juga mampu menjana pulangan ekonomi kepada pihak koperasi menerusi perkhidmatan sewaan kepada pelancong-pelancong yang berkunjung ke Langkawi," kata Mahdzir.

-TAMAT-

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATUK SERI MAHDZIR KHALID

MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

21 MAC 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



www.rurallink.gov.my



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)